

Pelaksanaan semula GST masih peringkat kajian

RH - 5/6/2022 m/s: 4

Kerajaan jamin teliti secara menyeluruh, minta semua pihak bertenang

Oleh Muhammad Yusri Muazamir dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan belum membuat keputusan mengenai pelaksanaan semula Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), kerana ia masih di peringkat kajian, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri bagaimanapun memberi jaminan, kerajaan akan mengkaji aspek pelaksanaan semula GST secara menyeluruh, khususnya sama ada sistem percukaian itu akan melonjakkan harga barang serta tempoh sesuai jika ia akan dilaksanakan.

Susulan itu, beliau menasihati semua pihak agar bertenang dan tidak melatah dalam soal pelaksanaan semula GST sambil berjanji akan mendedahkan perkara itu secara telus apabila tiba masanya.

“Ramai terus melompat apabila saya kata tidak menolak kemungkinan (mengembalikan GST), tapi saya kata kita perlu kaji buruk dan baiknya. Bukan saya umum akan laksanakan GST.

Banyak pertimbangan lagi akan kita tengok, antaranya adakah kesan daripada GST akan mengakibatkan kenaikan harga, serta adakah waktunya sesuai untuk dilaksanakan atau perlu berapa tahun lagi,” katanya selepas menyempurnakan pelanca-



Ismail Sabri meletakkan plak sempena pelancaran sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia sambil diperhatikan Tengku Zafrul di Taman Tugu, Kuala Lumpur semalam.

(Foto Asyraf Hamzah /BH)

ran sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia di Taman Tugu di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Pada 1 Jun lalu, Ismail Sabri dalam wawancara bersama media Jepun, Nikkei Asia, dilaporkan berkata, kerajaan tidak menolak kemungkinan untuk mengembalikan sistem GST sebagai satu cara efektif menambah pendapatan negara bagi menangani kenaikan inflasi dan kos sara hidup rakyat.

Kenyataan itu mendapat reaksi bercampur-campur pelbagai pihak antaranya Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) yang bertegas menolak GST, manakala penggiat industri menerusi Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) menyokong pelaksanaan cukai itu namun dengan

kadar lebih rendah.

Majlis Belia Malaysia (MBM) pula mencadangkan jika GST dikembalikan, kadarnya ditetapkan pada tiga peratus.

Malaysia beralih kepada sistem GST semasa pentadbiran Barisan Nasional (BN) pada April 2015, namun kadar enam peratus dikritik pembangkang dan kumpulan pengguna sekali gus dikatakan antara penyumbang kekalahan parti itu dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Tun Dr Mahathir Mohamad yang mengambil alih pentadbiran selepas PH mengambil alih kerajaan, membatalkan GST untuk memenuhi janji pilihan raya dan menggantikan dengan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

Mengulas lanjut, Ismail Sabri menjelaskan antara faktor utama pertimbangan pelaksanaan semula GST adalah kerana kera-

jaan berdepan pengurangan pendapatan ketara selepas beralih kepada SST.

“Kita kekurangan pendapatan sebanyak RM30 bilion setahun kerana berpindah daripada GST kepada SST,” katanya.

Sekiranya kerajaan memutuskan untuk mengubah sistem percukaian negara, Perdana Menteri memberi jaminan akan memastikan rakyat memahami sepenuhnya sistem baharu yang akan menggantikan SST.

“Kalau kita rasa SST sudah tidak sesuai, apa yang kita nak gantikan dan rakyat perlu difahamkan dahulu. Kita nak apa yang diumumkan diterima rakyat, bukan ditolak,” katanya.

MBM sokong kembalikan GST tetapi kadar 3 peratus -
Muka 33